

196

NO. SOALAN : 387

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]

SOALAN

Datuk Rozman Bin Isli minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah rangka kerja strategik Kementerian untuk memperkasakan ekosistem teknologi hijau yang mampan dan berdaya saing khususnya dalam mengurangkan kadar intensiti pelepasan 'Gas Rumah Hijau' ke arah menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali dengan TN50 merupakan satu inisiatif pembangunan negara untuk jangka masa panjang yang merangkumi tempoh selama 30 tahun bermula dari tahun 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang akan dibangunkan melalui proses dialog dan perundingan dalam fasa persediaannya dari tahun 2017 hingga 2019. Di bawah TN50, penekanan akan diberikan terhadap pengwujudan sebuah negara yang inklusif, menyediakan peluang yang adil kepada semua rakyat, mempunyai tadbir urus yang efektif dan bertanggungjawab, serta mengamalkan kelestarian dalam pembangunan.

2. Selaras dengan aspirasi tersebut, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah melancarkan Pelan Induk Teknologi Hijau atau *Green Technology Master Plan (GTMP)* pada 12 Oktober 2017 bertujuan untuk memacu negara ke arah pertumbuhan ekonomi rendah karbon (*low carbon economy growth*) menjelang tahun 2030. GTMP telah dibangunkan sebagai kesinambungan daripada pelaksanaan Dasar

198

Teknologi Hijau Negara (DTHN) 2009 dan ditetapkan bagi mencapai tiga objektif iaitu:

- (i) menjana potensi bidang teknologi hijau untuk pembangunan ekonomi negara;
- (ii) menetapkan hala tuju untuk menganjukkan status negara daripada pengguna teknologi hijau kepada pengeluar teknologi hijau baru; dan
- (iii) menggariskan inisiatif berkaitan teknologi hijau yang dapat menyumbang kepada matlamat pengurangan 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca menjelang tahun 2030.

2. GTMP memberikan fokus kepada enam (6) sektor utama iaitu **tenaga, pembuatan, pengangkutan, bangunan, pengurusan sisa serta pengurusan air**. Selain itu, GTMP turut menggariskan **5 teras strategik** iaitu **promosi dan kesedaran, pemboleh upaya pasaran (*market enabler*), pembangunan modal insan, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan dan kerangka institusi**.

3. Pelaksanaan GTMP dijangka dapat meningkatkan sumbangan teknologi hijau kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada RM7.9 bilion pada tahun 2013 kepada RM60 bilion menjelang tahun 2030. Jumlah pelaburan dalam bidang teknologi hijau juga dijangka

meningkat kepada RM94.3 bilion dan sebanyak 221,500 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan menjelang tahun 2030.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi memastikan projek-projek berasaskan teknologi hijau mendapat pembiayaan, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme - GTFS*) pada tahun 2010 dengan peruntukan sebanyak RM3.5 bilion. Melalui skim ini, Kerajaan menawarkan subsidi sebanyak 2% daripada jumlah kadar faedah yang dikenakan oleh bank ke atas syarikat yang membuat pinjaman serta nisbah jaminan Kerajaan sebanyak 60% ke atas jumlah pinjaman. Sehingga 31 Disember 2017, GTFS telah memberi manfaat kepada 319 projek berasaskan teknologi hijau yang diusahakan oleh usahawan tempatan. Skim ini juga akan dilanjutkan pelaksanaannya untuk tempoh lima (5) tahun lagi bermula 2018 hingga 2022 dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion.

5. Selain itu, Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon Cities Framework and Assessment System - LCCF*) merupakan satu rangka kerja yang dibangunkan oleh KeTTHA bertujuan untuk memberikan panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju dan

200

perancang bandar semasa merancang pembangunan bandar rendah karbon. LCCF merangkumi empat elemen utama iaitu persekitaran bandar, infrastruktur bandar, pengangkutan bandar dan bangunan. Melalui LCCF, tahap pengeluaran karbon boleh diukur, seterusnya memudahkan sesebuah PBT untuk merangka program dan pelan tindakan serta menetapkan sasaran pengurangan pelepasan karbon di kawasan masing-masing.

6. Oleh itu, melalui rangka kerja strategik dan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, Malaysia diyakini berada pada landasan yang tepat ke arah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju pergerakan hijau global selaras aspirasi Transformasi Nasional (TN50).

Sekian, terima kasih.

.....